



**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI PENILAIAN**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEWANGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
GRED JAWATAN/GAJI	:	W41
GAJI MINIMUM-MAKSIMUM	:	RM2,094.00 – RM9,585.00
TARAF JAWATAN	:	TETAP

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Ijazah Sarjana Muda Sains (Pengurusan Harta Tanah) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
Gaji permulaan ialah pada Gred W41: RM2,508.29).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penilaian, adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred W41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Ikhtisas Bahagian I, Bahagian II dan Bahagian III anjuran Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan: dan

- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

- 4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred W41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

- 5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

- 6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN

- 7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

- 8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

- 9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI

- 10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED W44

11. Pegawai Tadbir Gred W41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir Gred W44 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED W48

12. Pegawai Tadbir Gred W44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir Gred W48 yang kosong apabila telah:
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

TARAF JAWATAN : TETAP

13. **TARIKH IKLAN/TUTUP PERMOHONAN : 12.07.2022 (Selasa) – 31.07.2022 (Ahad)**

CARA MEMOHON :

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi borang yang boleh dimuat turun dari laman Web Majlis Perbandaran Segamat di <http://www.mpsegamat.gov.my>. Bersama-sama salinan dokumen-dokumen seperti berikut:-
 - i. Menyediakan Video Resume dalam format MP4.
 - i.i Video resume yang disediakan hendaklah berdurasi tidak lebih dari 3 minit.
 - i.ii Menggunakan suara pemohon sebenar,
 - i.iii Kandungan Video:-
 - Ringkasan latarbelakang keluarga, pendidikan, pengalaman kerja, pekerjaan/aktiviti semasa, pencapaian/anugerah tertinggi, hobi dan kegiatan luar, penglibatan di dalam masyarakat atau 'NGO', kelebihan/kesesuaian dengan jawatan yang dipohon, matlamat dan perancangan masa depan, kelemahan/kekurangan pemohon. (hendaklah dihantar melalui e-mail kepada Urusetia di alamat <mailto:mdsegt@gmail.com>.)
 - ii. Kad pengenalan diri;
 - iii. Sijil kelahiran ;
 - iv. Sijil-sijil persekolahan;
 - v. Sijil Kelulusan Akademik (sijil/Diploma/Ijazah)* mana yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon;
 - vi. Transkrip keputusan akhir peperiksaan (jika diploma/ijazah sebenar masih belum diterima);
 - vii. Satu (1) keping gambar terkini berukuran "passport";
 - viii. Dokumen-dokumen sokongan yang lain (jika ada)

b) Permohonan-permohonan hendaklah dihantar kepada:-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT,
85000 SEGAMAT.**

- c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Penguasa Tempatan/badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab A Bil. 18.
- d) Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat-syarat seperti iklan akan **DITOLAK SERTA MERTA.**
- e) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- f) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap **TIDAK BERJAYA.**

PERINGATAN : SEMUA SALINAN DOKUMEN DI ATAS HENDAKLAH DISAHKAN OLEH PEGAWAI KERAJAAN (KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL) ATAU PENGHULU MUKIM/KETUA KAMPUNG.

(YM UNGKU MOHD TAHIR BIN UNGKU MOHD ZAKARIA)
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Segamat

UMT/ja/nmn/iklan jawatan

